

# 'Perkukuh sistem statistik negara'

BH- 8/7/2020 m/s: 2

Perangkaan rasmi permudah perancangan, pembangunan secara cekap, berkesan: PM

Oleh Luqman Arif Abdul Karim  
luqman.arif@bh.com.my

**Putrajaya:** Sistem statistik negara yang teguh perlu dilaksanakan, seiring persekitaran dunia yang kian mencabar dalam membuat pelbagai keputusan, kata Tan Sri Muhyiddin Yassin.

Perdana Menteri berkata, pembinaan prasarana dan pembangunan kapasiti sistem statistik negara memerlukan pelaburan strategik oleh pihak berkepentingan.

"Pastinya dengan ketersediaan statistik yang teguh, penyaluran sumber negara bagi perancangan dan pembangunan dapat dilaksanakan secara cekap dan berkesan.

"Statistik rasmi adalah teras kepada proses pembentukan dasar sosioekonomi negara. Dalam aspek ini, Jabatan Perangkaan Malaysia diberikan tanggungjawab untuk menghasilkannya.

"Perangkaan ini perlu berintegriti dan boleh dipercayai dalam bidang ekonomi, sosial, demografi dan alam sekitar.

"Keberhasilan daripada produk dan perkhidmatan statistik secara berkala dengan kekerapan bulanan, suku tahunan dan tahunan ialah bukti statistik yang digunakan kerajaan sebagai input dalam pembentukan, penilaian dan semakan semula dasar awam negara," katanya.

Beliau berkata demikian ketika



Muhyiddin melancarkan Banci 2020 sambil diperhatikan Mustapa dan Mohd Uzir di Putrajaya, semalam.

(Foto BERNAMA)

menyampaikan ucap-tama pelancaran Hari Banci Penduduk dan Perumahan 2020 atau Banci 2020, di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya, di sini, semalam.

Yang turut hadir Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Mohd Zuki Ali; Menteri Kanan (Pendidikan), Dr Mohd Radzi Md Jidin dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi), Datuk Seri Mustapa Mohamed.

Menerusi statistik yang utuh, Muhyiddin berkata, setiap perancangan dasar kerajaan berupaya memberi penekanan terhadap

**Perangkaan ini perlu berintegriti dan boleh dipercayai dalam bidang ekonomi, sosial, demografi dan alam sekitar.**

Muhyiddin Yassin,  
Perdana Menteri

pembangunan ekonomi dan pengagihan kekayaan negara, mencakupi segenap lapisan masyarakat.

"Dasar seperti ini tanpa mengira etnik, pendapatan dan rantaian. Pengurusan negara merentasi pelbagai sektor juga akan lebih tersusun serta saksama yang akhirnya akan memastikan kesejahteraan rakyat tetap menjadi fokus utama.

"Oleh itu, selaras agenda kesejahteraan dan kelestarian negara, saya memohon semua rakyat Malaysia memberikan ker-

jasama dalam menjayakan Banci 2020.

"Walaupun situasi negara masih mendepani saat-saat sukar susulan pandemik COVID-19 dan fasa Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) yang kita lalui bersama, saya percaya panduan prosedur operasi standard (SOP) akan disediakan serta dipatuhi.

"Kepatuhan ini terpakai kepada petugas Jabatan Perangkaan Malaysia dan masyarakat yang terlibat dalam melengkapkan keperluan Banci 2020," katanya.